

25 JUL 2000

Mahathir - Sekolah

BN SETUJU CADANGAN BINA SEKOLAH WAWASAN TINGKATKAN PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Semua 14 parti komponen Barisan Nasional (BN) hari ini bersetuju dan menyokong pengwujudan Sekolah Wawasan dalam usaha memperkukuhkan hubungan rakyat berbilang kaum sejak dari kecil lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Sekolah Wawasan itu akan menempatkan tiga buah sekolah berlainan aliran dalam satu kampus utama dan menggunakan kemudahan-kemudahan asas yang sama.

"Ini adalah satu cara untuk merapatkan hubungan (rakyat berbilang kaum) di peringkat mereka sejak dari kecil lagi," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat Agung BN di Ibu Pejabat Umno di sini hari ini.

Beliau berkata, kemudahan asas yang sama ialah seperti padang permainan, dewan perhimpunan dan kantin.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, parti-parti komponen khuatir dengan kegiatan-kegiatan dalam tadika yang mana perasaan kebencian sedang disemai oleh pihak tertentu.

Katanya, keadaan yang sama juga berlaku di peringkat sekolah dan universiti.

Mengenai kerjasama pelajar berbilang kaum di peringkat universiti, Dr Mahathir berkata, "Ia membimbangkan kita kerana mereka tidak bergaul antara sesama kaum."

Beliau berkata kerajaan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengatasi masalah itu.

Katanya, antara lain kerajaan telah meminta Kementerian Pendidikan menempatkan pelajar berbilang kaum di kemudahan yang sama.

Dr Mahathir berkata adalah penting bagi rakyat berbilang kaum bersatu padu, merapatkan barisan dan mengadakan hubungan antara mereka seperti dengan bersama merayakan hari perayaan kaum-kaum yang berbeza.

Sementara itu, setiausaha agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata pembinaan Sekolah Wawasan merupakan langkah yang baik bagi mengembalikan hubungan akrab rakyat berbilang kaum sejak dari kecil memandangkan terdapat kecenderungan ibu bapa kini menghantar anak-anak ke tadika berasingan mengikut kaum atau agama.

"BN percaya penuh bahawa langkah ini (pembinaan Sekolah Wawasan) mampu meningkatkan perasaan saling mengenali budaya satu sama lain, saling menghormati dan interaksi yang lebih rapat sejak anak-anak masih kecil," katanya.

Beliau berkata hubungan kaum semakin nipis akibat dipisah sejak dari kecil lagi, sedangkan amat penting bagi rakyat sentiasa ingat bahawa Malaysia dibina atas dasar kerjasama semua kaum, dibangunkan oleh rakyat berbilang kaum dan masa depan Malaysia juga bergantung kepada perpaduan kaum.

Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu semasa mengulas mengenai sekolah itu berkata sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah Kebangsaan yang akan ditempatkan di kampus Sekolah Wawasan akan mengekalkan bahasa perantaraan masing-masing dan pentadbiran sekolah juga berasingan.

Katanya pada masa ini sebanyak 10 buah Sekolah Wawasan sedang dalam pembinaan atau perancangan dengan yang pertamanya di Sitiawan yang melibatkan keluasan tanah 2.8 hektar bagi mendirikan bangunan berasingan bagi sekolah-sekolah itu.

"Tujuannya ialah untuk membolehkan kanak-kanak Malaysia bergaul, bermain bersama, memahami budaya masing-masing, saling menghormati satu

sama lain dan mewujudkan persaudaraan di kalangan mereka," katanya.

Katanya usaha itu perlu kerana pada masa ini kanak-kanak sekolah rendah Cina, Tamil dan Kebangsaan, boleh dikatakan hampir tidak ada sebarang interaksi dan perhubungan antara satu sama lain, yang jika dibiarkan hingga dewasa akan terus menjarakkan hubungan mereka.

Samy Vellu berkata identiti masing-masing sekolah tetap kekal dengan keputusan kerajaan membenarkan setiap sekolah itu mempunyai bangunan sendiri, walaupun pada asalnya cadangan itu ialah untuk menempatkan semua sekolah berlainan aliran itu dalam satu bangunan yang sama.

-- BERNAMA

MNY/AHH RI RON